

# Penutupan dilanjut 2 bulan

**K**UALA LUMPUR: Penutupan waktu malam lorong kanan menghala ke Kajang dan ke Kuala Lumpur di Jalan Cheras antara Leisure Mall dan Plaza Phoenix akan dilanjut selama dua bulan sehingga 31 Disember ini.

Sebelum ini penutupan waktu malam jalan berkenaan bermula 10 September hingga 31 Oktober ini.

Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT) dalam kenyataan semalam berkata, lanjutan selama dua bulan itu bagi melancarkan kerja-kerja pembinaan bagi projek MRT.

Penutupan tersebut ialah dari jam 11 malam hingga 5.30 pagi setiap hari kecuali Ahad dan cuti umum.

Orang ramai, terutama pengguna jalan raya diminta bersabar dan memberi kerjasama demi penyelesaian mereka pada masa hadapan-Bernamea